



TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
DR. LAW KUAN KHENG
MENGENAI PENGALAMAN BELIAU SEBAGAI
PENSYARAH KANAN FAKULTI PENGURUSAN PERNIAGAAN
UITM CAWANGAN KEDAH

OLEH:
AAINAA FARHANA BINTI MD KHIR JOHARI
2012187391
MUHAMMAD HADRI BIN CHE NU
2012791333

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KEDAH

BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2014 – JULAI 2014)

ISI KANDUNGAN

Penghargaan.....	
Abstrak.....	ii
Singkatan Nama.....	iii
1.0 Pengenalan.....	1-3
2.0 Biografi Tokoh.....	4-5
3.0 Biografi Penulis.....	6-7
4.0 Transkrip Wawancara.....	8-81
5.0 Ralat.....	82
6.0 Senarai Soalan.....	83-101
7.0 Log Wawancara.....	102-105
Glosari.....	106-107
Indeks.....	108-110
Diari penyelidikan.....	111-115
Rujukan.....	116
Lampiran.....	117-118

PENGHARGAAN


Dengan nama Allah yang Maha Berkuasa lagi maha mengetahui,

Pertama sekali kami ingin memanjatkan kesyukuran kehadiran ilahi kerana telah memberikan kesihatan fizikal dan juga rohani untuk menyempurnakan tugas kami ini. Kami menjulang setinggi-tinggi penghargaan kepada Cik Siti Nur Shahira Binti Dahari pensyarah matapelajaran IMR 604: "Oral Documentation" (Dokumentasi Lisan) yang banyak menyumbangkan tunjuk ajar, bimbingan, galakan, kritikan, buah fikiran dan tanpa jemu mendidik kami menyempurnakan pendokumentasian ini dengan jayanya. Seterusnya penghargaan ditujukan khas buat pensyarah-pensyarah daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Merbok Kedah, kerana tanpa ilmu yang dicurahkan selama ini oleh mereka kepada kami mungkin tugas ini tidak dapat disempurnakan.

Disamping itu juga tidak dilupakan kepada Doktor Law Kuan Kheng, Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Perniagaan diatas kesudiannya diwawancara oleh kami untuk berkongsi mengenai sejarah perjalanan hidup beliau dalam menempuh liku-liku kehidupan untuk bergelar sebagai pensyarah seperti hari ini. Tanpa kerjasama yang baik daripada beliau, nescaya pendokumentasian ini tidak dapat disempurnakan dengan lancarnya.

Akhir kata, kami di sini ingin mendidikasikan tugas ini kepada rakan-rakan sekelas daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Merbok kerana selama ini sentiasa bersama kami dalam suka dan duka dalam mendokong kami untuk menyempurnakan tugas ini.

Sekian,



(MUHAMMAD HADRI BIN CHE NU)



(AAINAA FARHANA BT MD KHIR)

ABSTRAK

Transkrip wawancara ini mengenai Tokoh Akademik Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kedah. Wawancara telah dijalankan bersama Dr. Law Kuan Kheng. Beliau merupakan Pensyarah Kanan Fakulti Pengurusan Perniagaan UiTM Kedah. Tujuan utama wawancara ini dijalankan adalah untuk mengkaji dan merekodkan sejarah dan biografi tokoh, sumbangan dan juga pendapat beliau. Transkrip ini telah meliputi beberapa bahagian antaranya latar belakang peribadi, latar belakang pendidikan rendah, latar belakang pendidikan menengah, latar belakang pendidikan tinggi, pengalaman pekerjaan, pengalaman dalam bidang kerjaya, pencapaian tokoh dalam kerjaya dan pandangan dan pendapat tokoh. Wawancara ini telah diadakan pada 14 Mei 2014 bertempat di bilik Dr. Law Kuan Kheng Bangunan Akademik dua, UiTM Kedah.

Kata Kunci : Law Kuan Kheng, Universiti Teknologi Mara, Fakulti Pengurusan Perniagaan

1.0 PENGENALAN

Institusi-institusi pengajian tinggi di Malaysia turut menjadi antara faktor utama yang menyumbang kepada sesi pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan efisien. Sistem pendidikan yang diamalkan di sesebuah institusi-institusi adalah berbeza antara satu dengan yang lain. Namun, ianya masih bertumpu kepada matlamat yang sama iaitu untuk mewujudkan dan menyediakan persekitaran yang selesa demi keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran yang akan berlansung. Kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah bertujuan untuk memudahkan para pelajar dalam menjalani proses pembelajaran mereka seterusnya memupuk rasa cinta akan aktiviti pembelajaran dan pada masa yang sama menghilangkan rasa bosan yang dialami akibat masa pembelajaran yang terlalu lama.

Dengan jumlah institusi-institusi pengajian tinggi yang terdapat di negara ini, Malaysia sememangnya mementingkan aspek pendidikan demi melahirkan modal insan kelas pertama. Setiap rakyat Malaysia khususnya para pelajar haruslah mengambil peluang yang sedia ada ini untuk menambahkan lagi ilmu pengetahuan mereka sekaligus mengejar cita-cita yang diimpikan.

Menurut laman web Bahagian Arkib dan Muzium UiTM (2013), sejarah UiTM bermula daripada pertubuhan Rural Industrial Development (RIDA) yang mula ditubuhkan pada Ogos 1950. Sejurus itu, penubuhan Institut Teknologi MARA (ITM) pada tahun 1967. Institut ini merupakan buah hasil para pemimpin Malaysia yang penuh visi, terutamanya bekas Perdana Menteri kedua, Allahyarham Tun Abdul Razak.